

# Jualan sektor pembuatan turun 4%

**PETALING JAYA** – Nilai jualan sektor pembuatan mencatatkan penurunan empat peratus tahun ke tahun untuk merekodkan RM147.4 bilion pada Jun 2023, menurut Jabatan Perangkaan semalam.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, penurunan tersebut dipengaruhi terutamanya oleh subsektor makanan, minuman dan tembakau yang merosot 14.6 peratus, iaitu penurunan dua digit bagi tiga bulan berturut-turut.

“Kemerosotan turut disumbangkan oleh penurunan dalam subsektor petroleum, kimia, ge-

tah dan plastik (-12.4 peratus) dan kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan (-1.1 peratus).

“Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan meningkat marginal sebanyak 0.4 peratus daripada RM146.8 bilion yang direkodkan pada Mei lalu,” katanya dalam satu kenyataan.

Pada suku tahun kedua 2023, nilai jualan sektor pembuatan merekodkan penyusutan pertama sejak suku tahun kedua 2020 (-16.5 peratus) dengan mencatatkan negatif satu peratus berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya.

Merumuaskan prestasi bagi

separuh pertama tahun 2023, Mohd. Uzir berkata, nilai jualan sektor pembuatan mencapai RM888.6 bilion, berkembang sebanyak 3.5 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

“Pada tempoh tersebut, bilangan pekerja bagi sektor pembuatan bertambah 2.1 peratus kepada seramai 2.35 juta orang, manakala gaji dan upah tumbuh empat peratus, mencatatkan RM48.7 bilion.

“Seterusnya, nilai jualan per pekerja berjumlah RM378,855 yang merekodkan pertumbuhan sebanyak 1.4 peratus,” ujarnya.



**MOHD. UZIR** menyatakan sektor pembuatan melibatkan seramai 2.35 juta pekerja pada Jun berbanding 2.3 juta tahun lalu.